

Bekalan topeng mulut dan hidung dijamin mencukupi

Februari 4, 2020 Ditulis oleh Media Baharu



KUALA LUMPUR, 4 Feb - Tidak perlu melakukan pembelian panik topeng mulut dan hidung.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, ini memandangkan kerajaan sentiasa memantau pengeluaran dan pembekal, bagi memastikan bekalannya mencukupi.

Mengulas mengenai permintaan topeng mulut dan hidung yang tinggi, susulan penularan wabak novel Coronavirus 2019 yang melanda pada masa ini, beliau menjelaskan perkara itu akan hanya mencetuskan keresahan dalam kalangan masyarakat.

Peniaga juga diingatkan supaya patuh dengan kawalan harga memandangkan di bawah Akta Kawalan Harga 2011, topeng muka merupakan barangan kawalan.

Terdahulu, beliau merasmikan Mesyuarat 20 Negara Serantau Pejabat Harta Intelek Berkaitan Sistem Madrid di ibu negara.